

Bil. S 32

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 27.
 3. Pemasukan bab 6A baru.
 4. Pemasukan bab-bab 8A dan 8B baru.
 5. Pemasukan bab-bab 21A, 21B dan 21C baru.
 6. Pindaan bab 22A.
 7. Pemasukan bab 24A baru.
 8. Pindaan bab 28.
 9. Pindaan bab 29.
 10. Pemasukan bab 32A baru.
 11. Pindaan bab 35.
 12. Pindaan Jadual Kedua.
 13. Tambahan Jadual Ketiga.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 2 dari Penggal 27.

2. Bab 2 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "dadah yang dikawal" —

" "alat terkawal", "benda terkawal" dan "bahan terkawal" masing-masing bermakna apa-apa alat, benda atau bahan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga";

(b) dengan memotong takrifan "pengilangan" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "pengilangan", berhubung dengan —

(a) sesuatu dadah yang dikawal, termasuk sebarang proses untuk menghasilkan dadah tersebut dan menapis atau mengubah satu dadah menjadi dadah lain; atau

(b) sesuatu bahan terkawal, termasuk sebarang proses untuk menghasilkan bahan tersebut dan menapis atau mengubah satu bahan menjadi bahan lain;".

Pemasukan bab 6A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 6 —

"Memakan dadah yang dikawal di luar Negara Brunei Darussalam oleh penduduk tetap.

6A. (1) Bab 6(b) hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan seseorang yang merupakan penduduk tetap di luar dan juga di dalam Negara Brunei Darussalam jika dia didapati hasil dari ujian air kencing yang dikehendaki di bawah bab 28(1), telah menghisap, menggunakan untuk dirinya sendiri atau pun selainnya memakan sesuatu dadah yang dikawal.

(2) Jika suatu kesalahan di bawah bab 6(b) dilakukan oleh seorang penduduk tetap di luar Negara Brunei Darussalam, dia boleh ditangani seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam."

Pemasukan bab-bab 8A dan 8B baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab-bab baru yang berikut sejurus selepas bab 8 —

"Pengilangan, pembekalan, pemilikan, pengimportan atau pengeksporan alat, benda atau bahan yang berguna untuk mengilang dadah yang dikawal.

8A. (1) Mana-mana orang yang —

(a) mengilang apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(b) membekalkan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal kepada orang lain;

(c) ada dalam milikannya apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal; atau

(d) mengimport atau mengeksport apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal,

dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal itu akan digunakan dalam atau bagi mengilang sesuatu dadah yang dikawal dengan melanggar bab 4 adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tidaklah menjadi suatu pembelaan kepada seseorang yang melanggar ceraihan (1)(d) berkaitan dengan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal untuk menunjukkan bahawa alat, benda atau bahan tersebut adalah perkara suatu lesen, permit atau sebarang bentuk

kebenaran lain yang dikeluarkan atau diberikan di bawah sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab 8B.

Peraturan-peraturan mengenai bahan terkawal.

8B. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan membuat peruntukan bagi —

(a) pelesenan, oleh orang atau pihak berkuasa sebagaimana yang mungkin ditetapkan, mana-mana orang yang bercadang hendak mengimport atau mengeksport apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(b) mengawalselia dan mengawal pengimportan dan pengeksportan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(c) mengenakan kehendak untuk mendaftarkan premis yang digunakan berhubung dengan pengimportan, pengeksportan, pengilangan, pemprosesan, penyimpanan, pengagihan atau pembekalan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(d) mengenakan kehendak untuk mendokumenkan transaksi yang melibatkan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(e) menghendaki penyimpanan rekod dan pemberian maklumat berkaitan dengan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal;

(f) pemeriksaan dan pengemukaan rekod yang disimpan menurut sebarang peraturan tersebut;

(g) pelabelan konsainan apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (1) boleh, khususnya, menghendaki —

(a) pemberitahuan tentang pengeksportan yang dicadangkan bagi apa-apa alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal ke negara-negara sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam sebarang peraturan tersebut; dan

(b) pengemukaan, dalam hal keadaan sebagaimana yang mungkin dinyatakan, keterangan bahawa pemberitahuan yang dikehendaki telah

diberikan, dan bahawa apa-apa alat, benda atau bahan tersebut hendaklah dianggap sebagai dieksport bertentangan dengan sesuatu sekatan berkenaan dengan alat, benda atau bahan itu di bawah sebarang peraturan tersebut jika ia dieksport tanpa pemberitahuan yang dikehendaki itu diberikan.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh membuat peruntukan yang berlainan berhubung dengan alat terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal yang berlainan dan berhubung dengan kes-kes atau hal keadaan yang berlainan.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh mengadakan peruntukan bahawa mana-mana orang yang melanggar sebarang peruntukannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Tiada maklumat yang diperolehi menurut sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh didedahkan kecuali bagi maksud prosiding jenayah atau prosiding di bawah atau berkenaan dengan Akta Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil) (Penggali 178).".

Pemasukan bab-bab 21A, 21B dan 21C baru.

5. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab-bab baru yang berikut sejurus selepas bab 21 —

"Kuasa khas untuk menyiasat.

21A. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang berlawanan dalam sebarang undang-undang bertulis lain, Pengarah boleh, jika dia menganggap bahawa sebarang keterangan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau sebarang pakatan jahat untuk melakukan, atau sesuatu persubahatan untuk melakukan kesalahan itu oleh mana-mana orang mungkin didapati dalam mana-mana buku, resit, baucar, rekod elektronik atau dokumen lain, berkaitan dengan pembayaran wang atau penyerahan harta kepada orang itu, suami atau isteri, ibu atau bapa atau anak kepada orang itu atau kepada seseorang yang dipercayai dengan munasabah oleh Pengarah sebagai seorang pemegang amanah atau wakil bagi orang itu atau suami atau isteri, ibu atau bapa atau anak kepada orang itu, dengan perintah memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai Biro yang dinyatakan dalam pemberian kuasa tersebut untuk memeriksa mana-mana buku, akaun, resit, baucar, rekod elektronik atau dokumen lain itu.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah cerai (1) boleh, dalam setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis yang dinyatakan dalam perintah itu dan memeriksa mana-mana buku, akaun, resit, baucar, rekod elektronik atau dokumen lain itu dan boleh mengambil salinan-salinannya atau mana-mana bahagiannya.

(3) Mana-mana orang yang tidak mengemukakan mana-mana buku, akaun, resit, baucar, rekod elektronik atau dokumen lain itu yang ada dalam milikan atau kawalannya, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang itu tidak dilepaskan dari mengemukakan atau menyediakan apa-apa bahan apabila dikehendaki untuk berbuat demikian dengan suatu perintah di bawah bab ini atas alasan bahawa —

(a) pengemukaan atau penyediaan bahan itu mungkin cenderung menunjukkannya bersalah atau menyebabkannya boleh dikenakan suatu hukuman; atau

(b) pengemukaan atau penyediaan bahan itu adalah melanggar suatu kewajipan (sama ada dikenakan oleh undang-undang atau pun selainnya) olehnya untuk tidak mendedahkan adanya atau isi kandungan bahan itu.

(5) Jika suatu perintah di bawah bab ini berkaitan dengan suatu rekod elektronik, perintah tersebut hendaklah berkuatkuasa sebagai suatu perintah untuk mengemukakan rekod tersebut dalam suatu bentuk yang boleh dilihat dan mudah dibaca.

(6) Dalam bab ini —

(a) "bank" bermakna suatu syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan dan memegang suatu lesen yang diberikan di bawah bab-bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/06);

(b) "buku" termasuk mana-mana lejar, buku harian, buku tunai, buku akaun dan mana-mana buku dan dokumen lain yang digunakan dalam perjalanan biasa perniagaan sesebuah bank atau mana-mana orang lain;

(c) "rekod elektronik" bermakna suatu rekod yang dihasilkan, disampaikan, diterima atau disimpan dengan cara elektronik, magnetik, optikal atau cara lain dalam suatu sistem maklumat atau bagi penghantaran dari satu sistem maklumat kepada sistem maklumat lain.

Pengarah boleh menghendaki maklumat.

21B. (1) Semasa menjalankan sebarang penyiasatan atau prosiding mengenai atau berkenaan dengan suatu kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, tentang sebarang pakatan jahat untuk melakukan atau cuba melakukan, atau sesuatu persubahatan untuk melakukan sebarang kesalahan tersebut, Pengarah boleh dengan notis bertulis —

(a) menghendaki orang itu untuk memberikan suatu pernyataan bersumpah secara bertulis yang menyebutkan satu persatu semua harta yang dipunyai atau dimiliki oleh orang itu dan oleh suami atau isteri, ibu atau bapa dan anak-anak kepada orang itu, dan dengan menyatakan tarikh setiap harta yang disebutkan satu persatu itu diperolehi dan sama ada ia diperolehi dengan cara pembelian, hadiah, wasiat, warisan atau pun selainnya;

(b) menghendaki orang itu untuk memberikan suatu pernyataan bersumpah secara bertulis tentang mana-mana wang atau harta lain yang dibayar atau dilupuskan olehnya dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu;

(c) menghendaki orang itu untuk memberikan suatu pernyataan bersumpah secara bertulis yang menyebutkan satu persatu semua harta yang dipunyai atau dimiliki olehnya jika Pengarah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut mungkin ada kaitan dengan penyiasatan atau prosiding itu;

(d) menghendaki orang yang menjaga mana-mana jabatan Kerajaan atau mana-mana badan awam untuk mengemukakan atau memberikan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu sebarang dokumen yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya;

(e) menghendaki pengurus mana-mana bank (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 21A(6)(a)) untuk memberikan satu salinan akaun orang itu atau suami atau isteri, ibu atau bapa atau anak kepada orang itu di bank tersebut.

(2) Tiap-tiap orang yang kepadanya suatu notis dihantar oleh Pengarah di bawah ceraiian (1) hendaklah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain atau sebarang sumpah menyimpan rahsia yang berlawanan, mematuhi syarat-syarat notis itu dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya dan mana-mana orang yang dengan sengaja mengabaikan, atau yang tidak mematuhiya adalah melakukan suatu kesalahan.

Menyerahkan dokumen perjalanan.

21C. (1) Seseorang Majistret boleh, atas permohonan Pengarah atau Pendakwa Raya, dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang tertakluk kepada suatu penyasatan berkaitan dengan suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan olehnya di bawah Akta ini untuk menyerahkan kepada Pengarah sebarang dokumen perjalanan yang dimilikinya.

(2) Suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah disampaikan sendiri kepada orang yang ditujukan notis itu.

(3) Seseorang yang disampaikan dengan suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah mematuhi notis itu dengan serta-merta.

(4) Jika seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis di bawah cerai (1) tidak mematuhi notis itu dengan serta-merta, dia boleh selepas itu ditangkap dan dibawa di hadapan seseorang Majistret.

(5) Jika seseorang itu dibawa di hadapan seseorang Majistret di bawah cerai (4), Majistret itu hendaklah, melainkan jika orang itu selepas itu mematuhi notis di bawah cerai (1) atau memuaskan hati Majistret itu bahawa dia tidak memiliki suatu dokumen perjalanan, dengan waran memasukkannya ke dalam penjara untuk ditahan dengan selamat di sana —

(a) sehingga tamat tempoh 28 hari dari tarikh dia dimasukkan ke dalam penjara; atau

(b) sehingga orang itu mematuhi notis di bawah cerai (1) dan seseorang Majistret, dengan perintah bagi maksud itu, telah mengarahkan Penguasa Penjara untuk membebaskan orang itu dari penjara (perintah itu adalah autoriti mencukupi bagi Penguasa Penjara untuk berbuat demikian), mengikut mana yang berlaku dahulu.

(6) Suatu dokumen perjalanan yang diserahkan kepada Pengarah di bawah bab ini boleh ditahan selama 6 bulan dari tarikh dokumen perjalanan itu diserahkan dan boleh ditahan selama 6 bulan lagi selepas itu jika seseorang Majistret, atas permohonan Pengarah atau Pendakwa Raya, berpuashati bahawa penyasatan itu tidak dapat diselesaikan dengan munasabah sebelum tarikh permohonan itu dan membenarkan penahanan selanjutnya.

(7) Semua prosiding di hadapan seseorang Majistret di bawah bab ini hendaklah dalam kamar.

{8} Dalam bab ini, "dokumen perjalanan" bermakna suatu passport atau dokumen lain yang membuktikan identiti atau kerakyatan pemegangnya."

Pindaan bab 22A.

6. Bab 22A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong "dua puluh empat" dari baris ketiga dan keempat dan menggantikannya dengan "48".

Pemasukan bab 24A baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 24 —

" Penasihat undang-undang dan maklumat terlindung.

24A. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Akta ini boleh menghendaki pendedahan oleh seseorang penasihat undang-undang akan sebarang maklumat terlindung, perhubungan, buku, dokumen atau barang lain yang telah sampai ke pengetahuannya bagi maksud sebarang prosiding, yang telah bermula atau dijangka akan dimulakan, di hadapan sesebuah mahkamah atau untuk membolehkannya memberikan nasihat undang-undang kepada kliennya.

(2) Dalam bab ini, "penasihat undang-undang" bermakna seseorang yang telah diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah Akta Ikhtisas Peguam (Penggai 132).

(3) Keistimewaan yang diberikan oleh bab ini kepada seseorang penasihat undang-undang hendaklah meliputi seseorang pekerja kepada penasihat undang-undang itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa barang yang dipegang dengan niat untuk meneruskan sesuatu tujuan jenayah adalah bukan suatu benda terlindung di bawah bab ini."

Pindaan bab 28.

8. Bab 28 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan ceraian baru yang berikut sejurus selepas ceraian (1) —

"(1A) Seseorang pegawai provos, atau mana-mana anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang menjalankan kuasa dari segi undang-undang di bawah seseorang pegawai provos atau bagi pihaknya boleh, menjalankan kuasa yang sama di bawah ceraiian (1) berkaitan dengan mana-mana orang yang tertakluk kepada undang-undang tentera.";

(b) dalam ceraiian (2), dengan memotong "ceraiian tadi" dari baris akhir dan menggantikannya dengan "ceraiian-ceraiian (1) atau (1A)".

Pindaan bab 29.

9. Bab 29 dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan ceraiian baru yang berikut sejurus selepas ceraiian (3A) —

"(3B) Jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab-bab 6(b) atau 28(2) kemudiannya disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 28(2), dia boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 3 tahun."

Pemasukan bab 32A baru.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 32 —

"Perintah pengawasan sukarela.

32A. (1) Seseorang yang dikatakan sebagai seorang penagih dadah boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Pengarah untuk menjalani pengawasan sukarela di bawah Biro bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun.

(2) Mana-mana orang yang ada kaitan melalui pertalian darah atau perkahwinan dengan seseorang yang dikatakan sebagai seorang penagih dadah boleh membuat suatu permohonan secara bertulis bagi suatu perintah pengawasan untuk dibuat terhadap penagih dadah yang dikatakan itu, dan Pengarah boleh selepas itu membuat suatu perintah secara bertulis yang menghendaki orang itu untuk menjalani pengawasan dan perintah tersebut adalah bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun."

Pindaan bab 35.

11. Bab 35 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab itu dengan memotong "Jadual Pertama" dan menggantikannya dengan "Jadual-Jadual Pertama dan Ketiga";

(b) dalam baris kedua dengan memasukkan "dan Jadual Ketiga" sejurus selepas "Pertama".

Pindaan Jadual Kedua.

12. Jadual Kedua kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan butiran baru yang berikut sejurus selepas butiran berkenaan dengan bab 8 —

"8A Pengilangan, pembekalan, pemilikan, pengimportan atau pengeksporan alat, benda atau bahan yang berguna untuk mengilang dadah yang dikawal	- - - - -	Maksimum 20 tahun, \$200,000 atau kedua-duanya sekali";
---	-----------	---

(b) dengan memasukkan dua butiran baru yang berikut sejurus selepas butiran berkenaan dengan bab 11 —

"21A(3) Tidak mengemukakan buku dll.	- - - - -	Maksimum 1 tahun, \$5,000 atau kedua-duanya sekali
--------------------------------------	-----------	--

21B(2) Tidak mematuhi syarat-syarat notis	- - - - -	Maksimum 1 tahun, \$10,000 atau kedua-duanya sekali".
---	-----------	---

Tambahan Jadual Ketiga.

13. Akta itu adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KETIGA

(bab 2)

**ALAT, BENDA ATAU BAHAN TERKAWAL YANG BERGUNA UNTUK
MENGILANG DADAH YANG DIKAWAL**

BAHAGIAN I

1. Bahan-bahan yang berikut —

N-acetylanthranilic acid juga dikenali sebagai N-Acetyl-o-aminobenzoic acid

Ephedrine juga dikenali sebagai β -Hydroxy-N-methylamphetamine

Ergometrine juga dikenali sebagai Ergonovine atau Ergobasine atau [8 β (S)]-9, 10-Didehydro-N-(2-hydroxy-1-methylethyl)-6-methyl-6-methylergoline-8-carboxamide

Ergotamine juga dikenali sebagai 12'-Hydroxy-2'-methyl-5' α -(phenymethyl) ergotaman-3',6',18'-trinone

Isosafrole juga dikenali sebagai 1,2-(Methylenedioxy)-4-propenylbenzene

Lysergic acid juga dikenali sebagai 9,10-Didehydro-6-methylergoline-8 β -carboxylic acid

3, 4-methylenedioxyphenyl-2-propanone

Norephedrine

Norpseudoephedrine

1-Phenyl-2-propanone juga dikenali sebagai Phenylacetone

Piperonal juga dikenali sebagai 3,4-(Methylenedioxy)benzaldehyde atau Piperonylaldehyde

Pseudoephedrine juga dikenali sebagai β -Hydroxy-N-methylamphetamine

Safrole juga dikenali sebagai 4-Allyl-1,2-methylenedioxybenzene.

2. Garam dari bahan-bahan itu disenaraikan dalam perenggan 1 Bahagian ini apabila ada kemungkinannya garam tersebut wujud.

JADUAL KETIGA – sambungan

BAHAGIAN II

1. Bahan-bahan yang berikut —

Acetic anhydride juga dikenali sebagai Acetic oxide

Acetone juga dikenali sebagai 2-Propanone atau Dimethyl ketone

Anthranilic acid juga dikenali sebagai o-Aminobenzoic acid

Ethyl ether juga dikenali sebagai Ether atau Diethyl ether atau Ethyl oxide atau Diethyl oxide atau Ethoxyethane atau 1, 1'-Oxybisethane

Hydrochloric acid

Methyl ethyl ketone juga dikenali sebagai 2-Butanone

Phenylacetic acid juga dikenali sebagai Benzeneacetic acid atau α -Toulic acid

Piperidine juga dikenali sebagai Hexahydropyridine

Potassium permanganate

Sulphuric acid

Toluene juga dikenali sebagai Methylbenzene atau Phenylmethane.

2. Garam dari bahan-bahan itu disenaraikan dalam perenggan 1 Bahagian ini apabila ada kemungkinannya garam tersebut wujud."

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 17 haribulan Disember, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM